

TEKS UCAPAN
YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA MPSP
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN BUTTERWORTH FRINGE
FESTIVAL 2017
12 OGOS 2017 (SABTU) : 4.00 PETANG
DI JALAN JETI LAMA, BUTTERWORTH

Terima kasih Pengacara Majlis

Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng
Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Rashid bin Hasnon
Timbalan Ketua Menteri 1

Yang Berhormat Tuan Prof. Dr Ramasamy A/L Palanisamy
Timbalan Ketua Menteri 2

Yang Berhormat Ahli-Ahli EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri

Yang Berhormat Ahli-Ahli Parlimen

Yang Berusaha Encik Joe Sidek
Pengelola Butterworth Fringe Festival 2017

Yang Berusaha Encik Hamdan Abdul Majeed
Executive Director Merangkap Board of Director Think City Sdn. Bhd

Yang Berusaha Dr. Neil Khor
Chief Operating Officer Think City Sdn. Bhd

Ahli-Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hajah Rosnani bt Haji Mahmud
Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan Kolaborasi Butterworth Fringe Festival 2017

Ketua-ketua Jabatan dan Pegawai MPSP

Para Wartawan

YBhg. Dato' Seri / YBhg. Dato' / YBhg. Datin Seri / YBhg. Datin / Tuan /
Puan sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama dalam Majlis Perasmian *Butterworth Fringe Festival 2017* atau turut dikenali Festival Pinggiran Butterworth 2017.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Y.A.B Tuan Lim Guan Eng, YB-YB, tuan-tuan dan puan-puan yang turut sudi hadir walaupun padat dengan program lain. Ucapan terima kasih juga kepada pihak Think City Sdn.Bhd, En.Joe Sidek, Ketua Jabatan serta kakitangan MPSP yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan *Butterworth Fringe Festival 2017* (BFF2017). Penganjuran BFF buat kali ketiga ini adalah hasil kolaborasi di antara Majlis Perbandaran Seberang Perai dengan sokongan penuh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Think City Sdn.Bhd dan George Town Festival (GTF).

YAB, YB, YBhg. Dato' Seri / YBhg. Dato' / YBhg. Datin Seri / YBhg. Datin / Tuan / Puan dihormati sekalian,

BFF merupakan salah satu program yang dilancarkan selaras dengan pelaksanaan Pelan Butterworth Baharu. Seperti yang kita sedia maklum, Pelan Butterworth Baharu merupakan pelan pembangunan semula bandar Butterworth. Maka penganjuran BFF yang berbentuk kesenian, budaya dan warisan adalah satu inisiatif untuk merancakkan lagi misi pembangunan semula bandar Butterworth.

Butterworth Fringe Festival 2017 pada kali ini adalah berkonsepkan "*Free + Fun Street Festival*" yang menjanjikan pelbagai persembahan bukan sahaja daripada tempatan malah juga antarabangsa untuk

tontonan para pengunjung. Persembahan berbentuk pameran kesenian, mural, persembahan tradisional, *street performance* dan pelbagai lagi persembahan tempatan dan antarabangsa telah diaturkan. Persembahan antarabangsa pula akan menampilkan kebudayaan negara masing-masing. Kreativiti dan asimilasi budaya yang dipersembahkan dalam BFF ini adalah selaras dengan usaha menjadikan Butterworth sebagai hub acara inovatif dan kreatif, sekaligus membawa kelainan kepada kepada seluruh penduduk Seberang Perai khususnya dan negeri Pulau Pinang amnya.

YAB, YB, YBhg. Dato' Seri / Ybhg. Dato' / Ybhg. Datin Seri / Ybhg. Datin / Tuan / Puan dihormati sekalian,

Seperti yang telah kita sedia maklum, kolaborasi dua hala telah terjalin antara Majlis Perbandaran Seberang Perai dengan Think City dalam usaha memangkin semula pertumbuhan bandar Butterworth. Kajian dan perancangan Bandar Butterworth telah dilaksanakan dengan mewujudkan Pelan Butterworth Baharu sebagai satu garis panduan bagi pembangunan semula bandar. Pelbagai projek fizikal dan penganjuran pelbagai program dalam mengaktifkan Pelan Butterworth Baharu bermula tahun 2015 sehingga kini. Projek fizikal yang telah diadakan adalah *Pocket Park* Lebuh Benggali, *Rain Garden* di Jalan Jeti Lama, *Butterworth Art Walk*, naiktaraf rumah kedai dan sebagainya berjumlah

keseluruhan peruntukan MPSP berjumlah RM 2,310,424.00 bagi pembangunan prasarana awam manakala bagi peruntukan Think City berjumlah RM 2,536,221.00. Pelan ini diharapkan membawa perubahan dan penambahbaikan yang dinamik di bandar Butterworth. Sesungguhnya matlamat yang dikongsi oleh MPSP dan Think City adalah sama iaitu untuk meneruskan kesinambungan budaya, kerancangan ekonomi dan pembangunan lestari untuk didiami.

YAB, YB, YBhg. Dato' Seri / Ybhg. Dato' / Ybhg. Datin Seri / Ybhg. Datin / Tuan / Puan dihormati sekalian,

Bandar Butterworth ke arah mencapai pembangunan lestari di mana MPSP telah meluluskan projek-projek pembangunan di sekitar Bandar Butterworth yang menghasilkan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) sebanyak RM306,858,693 bagi tempoh 6 bulan pertama (Januari-Jun) tahun 2017 melalui 4 buah projek. Ianya adalah peningkatan berbanding prestasi tahun 2016 iaitu sebanyak RM53,900,000 melalui 2 buah projek. Manakala, GDV bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM132,500,000 melalui 6 buah projek pembangunan.

TAHUN	BIL PROJEK	BIL UNIT	GDV (RM)
2015 (Jan-Dis)	6	301	132,500,000
2016 (Jan-Dis)	2	154	53,900,000
2017 (Jan-Jun)	4	367	306,858,693

YAB, YB, YBhg. Dato' Seri / Ybhg. Dato' / Ybhg. Datin Seri / Ybhg. Datin / Tuan / Puan dihormati sekalian,

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang bersama-sama menjayakan *Butterworth Fringe Festival 2017* iaitu George Town Festival dan Think City. Seterusnya kepada seluruh kakitangan MPSP yang bertungkus lumus dalam persiapan penganjuran BFF. Dikesempatan ini juga saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penaja-penaja yang telah mewujudkan jaringan kolaborasi dalam menjayakan penganjuran *Butterworth Fringe Festival 2017*.

Harapan saya, hubungan kerjasama yang terjalin akan berterusan dengan lebih erat lagi dalam program-program akan datang.

Sekian, saya sudahi dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih